


Graduan perlu lengkapi diri dengan pelbagai kemahiran

KUANTAN- Graduan pada masa kini diingatkan agar mempersiapkan diri dengan pelbagai kemahiran sampingan dan bukan hanya bergantung kepada kecemerlangan yang tercatat pada segulung sijil semata.

Pemangku Raja Pahang Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah bertitah, dalam era yang penuh dengan persaingan, graduan perlu memiliki ciri-ciri lain seperti pemikiran kreatif, inovatif, kebolehan membuat keputusan dan bersikap berani mencuba.

"Kelebihan dimiliki ini mampu memberi nafas kepada mereka untuk menghadapi era Revolusi Industri 4.0, namun semua ciri-ciri positif tersebut perlu ditunjangi dengan



Kelebihan dimiliki ini mampu memberi nafas kepada mereka untuk menghadapi era Revolusi Industri 4.0." - Tengku Abdullah

keperibadian mulia serta jiwa yang kental dalam mendepani cabaran mendatang," titah baginda.

Baginda bertitah demikian pada Majlis Istiadat Konvokesyen Ke-17 Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS) di Bukit Gambang Resort City, semalam.

Teks titah diraja dibacakan Menteri Besar Pahang merangkap Pro Canselor KUIPSAS, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail.

Pada majlis itu seramai 388 graduan daripada 17 kursus diploma KUIPSAS menerima sijil masing-masing.

Dalam pada itu, Tengku Abdullah turut berbangga dengan pencapaian KUIPSAS yang terus giat memperkasa peranannya sebagai pusat penyebaran ilmu dengan memperluas penawaran program pengajian menepati keperluan semasa.

Baginda turut berharap agar KUIPSAS dapat terus merangka pelan jangka panjang bagi memastikan usaha dan sumber yang ada dapat dipacu dengan baik dalam mempersiapkan institusi ini menghadapi cabaran pada masa akan datang.

Sinar
Harian
12/8/2018